

01 MAY 1996
UMNO-Larian
LARIAN ULANG TAHUN UMNO BERMULA

KANGAR, 1 Mei (Bernama) -- Larian membawa bendera UMNO sempena ulang tahun ke-50 parti itu bermula di Padang Besar, pekan di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand hari ini.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Padang Besar, Khairi Hassan memulakan larian itu selepas majlis penyerahan bendera dilakukan di bulatan berhampiran Kompleks Imigresen.

Sebelum itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh yang menerima bendera daripada Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Perlis, Ahmad Bakri Datuk Ali menyerahkan bendera berkenaan kepada Khairi untuk memulakan larian.

Kira-kira 500 anggota pergerakan itu mengiringi sebanyak 56 pelari bagi menamatkan larian peringkat negeri Perlis sejauh 56 kilometer sehingga Kampung Sanglang -- sempadan Perlis dan Kedah petang ini.

Di JOHOR BAHARU, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik melancarkan larian itu peringkat negeri Johor.

Keseluruhan larian itu membabitkan kira-kira 2,000 anggota Pemuda UMNO dari seluruh negara yang dibahagikan kepada empat laluan.

Laluan pertama ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor; laluan kedua Kelantan, Terengganu, Pahang; laluan ketiga Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur; dan laluan keempat dari Sandakan ke Kota Kinabalu sebelum menaiki pesawat dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz, bendera itu akan dibawa secara berlari bergilir-gilir.

Kesemua empat kumpulan terakhir pembawa bendera itu akan sampai serentak di Dataran Merdeka pukul 9 malam pada 10 Mei dengan disaksikan ribuan anggota parti yang melambangkan ketahanan perjuangan, perpaduan dan kesepaduan dalam UMNO.

Bendera-bendera itu kemudian akan diserahkan kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz. -- BERNAMA

AD MKO NMO